



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM SOKONGAN BAHAN MENTAH KEPADA USAHAWAN KAYU BUMIPUTERA

**Bahagian Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera
LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA**

1. PENGENALAN

- 1.1 Hasil daripada impak yang positif daripada pelaksanaan Program Sokongan Bahan Mentah Kepada Usahawan Kayu Bumiputera (PSBM) di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE-2), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) telah memperoleh satu dana pusingan berjumlah keseluruhan sebanyak RM16.0 juta menerusi Rancangan Malaysia Ke-10 dan Ke-11 (RMK-10 dan RMK-11) bagi meneruskan pelaksanaan PSBM melalui pemberian pinjaman bahan mentah kepada usahawan perkayuan Bumiputera.

2. PELAKSANAAN PROGRAM

- 2.1 Program Sokongan Bahan Mentah Kepada Usahawan Kayu Bumiputera (PSBM) dilaksanakan melalui pemberian **pinjaman tanpa faedah** kepada usahawan perkayuan Bumiputera bagi memperoleh **bahan mentah berasaskan kayu (takrifan kayu seperti di Lampiran 1)** yang akan digunakan untuk pemprosesan produk siap.
- 2.2 Had **minimum** pinjaman bagi setiap permohonan adalah **RM5,000**.
- 2.3 Had **maksimum** pinjaman bagi:-
 - a) Syarikat Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.) – **RM500,000** bagi setiap permohonan.
 - b) Walau bagaimanapun, permohonan bagi Syarikat Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.) boleh dipertimbangkan nilai maksimum pinjaman **RM1,000,000** tertakluk kepada syarat berikut:-
 - i) Merupakan kontraktor utama; **dan**
 - ii) Kontrak pusat / Kontrak luar negara / Kontrak melebihi RM2,000,000.
 - c) Syarikat *Enterprise* (Perniagaan Tunggal / Perkongsian) – **RM50,000** bagi setiap permohonan.
- 2.4 Pembiayaan penuh nilai pinjaman akan diberikan mengikut:-
 - a) nilai pinjaman yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu PSBM; **ATAU**
 - b) nilai yang lebih rendah daripada kos keseluruhan bahan mentah projek (seperti yang dimohon oleh pemohon) bagi setiap permohonan, tertakluk kepada had nilai minimum dan maksimum pinjaman.
- 2.5 Caj perkhidmatan dikenakan sebanyak **2.0%** daripada nilai pinjaman yang telah diluluskan:-

- a) hendaklah dibayar secara pemindahan dana elektronik (*electronic fund transfer*) dalam tempoh **tujuh (7) hari** dari tarikh invois (*invoice*) yang dikeluarkan oleh MTIB;
 - b) Kegagalan pemohon membuat pembayaran caj perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan akan mengakibatkan kelulusan pinjaman terbatal; dan
 - c) Pembayaran caj perkhidmatan yang telah dibuat tidak akan dikembalikan sekiranya pemohon menarik diri setelah pinjaman diluluskan.
- 2.6 Kelulusan pinjaman adalah tertakluk kepada baki peruntukan yang masih ada semasa permohonan dikemukakan.
- 2.7 MTIB berhak meminda mana-mana klausa peruntukan dalam garis panduan ini mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

3. PERMOHONAN PINJAMAN

3.1 Syarat Permohonan

3.1.1 Pemohon bagi pinjaman PSBM hendaklah:-

- i) Merupakan sebuah syarikat bertaraf **Bumiputera** iaitu:-
 - a) Syarikat Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.) – 51% ekuiti Bumiputera; atau
 - b) Syarikat *Enterprise* (Perniagaan Tunggal / Perkongsian) – 100% ekuiti Bumiputera
- ii) Berdaftar dengan MTIB sebagai **pedagang**;
- iii) Telah menceburi industri perkayuan sekurang-kurangnya satu (1) tahun **KECUALI** bagi usahawan perkayuan di bawah bimbingan MTIB;
- iv) Memperolehi kontrak kerja yang telah **dimuktamadkan** dan **masih berkuatkuasa** sekurang-kurangnya:-
 - a) **30 hari** bagi kontrak kerja yang melebihi tempoh satu (1) bulan; atau
 - b) **Tiga (3) minggu** bagi kontrak kerja yang kurang tempoh satu (1) bulan

dari tarikh permohonan pinjaman yang lengkap diterima oleh MTIB. Sekiranya terdapat pelanjutan tempoh masa kontrak kerja, dokumen yang berkaitan daripada Pemberi Kontrak hendaklah disertakan;

- v) Sebuah Syarikat Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.) / Syarikat *Enterprise* (Perniagaan Tunggal / Perkongsian) yang tidak digulungan atau dalam proses penggulungan dan semua Pengarahnya / Pemiliknya bukanlah seorang yang bankrap atau dalam proses pembankrapan; dan
- vi) Tiada sebarang tunggakan hutang dengan MTIB – bagi maksud ini, "**hutang**" adalah juga merangkumi **hutang-hutang lain terhadap MTIB**, iaitu yang diperuntukkan dan dibiayai oleh MTIB di bawah program-program lain. Syarat ini juga adalah terpakai bagi Peminjam / Penjamin (termasuk syarikat yang berdaftar di bawah nama-nama tersebut) serta permohonan pinjaman kali kedua dan seterusnya.

3.1.2 Syarikat pemohon digalakkan menjalani / memohon untuk menjalani auditan SCORE (*SME Competitiveness rating For Enhancement*) atau M-CORE (untuk kategori Mikro) oleh MTIB atau SME Corp Malaysia.

3.2 Dokumen Permohonan

3.2.1 Pemohon perlu memajukan dokumen-dokumen seperti berikut:-

- i) Borang Permohonan Pinjaman Bahan Mentah (**PSBM/2023/BOR-01**) yang lengkap – borang boleh diperolehi di:-
 - a) laman sesawang MTIB **www.mtib.gov.my** (***Klik di Menu Insentif***); atau
 - b) Bahagian Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera, Ibu Pejabat MTIB; atau
 - c) Pejabat-pejabat MTIB Wilayah / Negeri.
- ii) Salinan sijil pendaftaran dengan MTIB sebagai pedagang;
- iii) Salinan carian pendaftaran syarikat **terkini** daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- iv) Salinan Carian Penggulungan Syarikat dan Kebankrapan semua Pengarah / Pemilik syarikat **terkini** daripada Jabatan Insolvensi Malaysia;

- v) Salinan penyata bank syarikat bagi **tiga (3) bulan terkini** – penyata bank ini perlu **DISAHKAN** oleh pegawai bank di helaian muka surat baki penyata setiap bulan;
- vi) Salinan penyata terkini akaun yang telah diaudit bagi **tiga (3) tahun terkini** [bagi Syarikat Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.)] atau **Akaun Pengurusan Syarikat terkini** yang telah disahkan oleh Setiausaha syarikat [bagi Syarikat *Enterprise* (Perniagaan Tunggal / Perkongsian)] kecuali bagi syarikat yang beroperasi kurang satu (1) tahun dan di bawah bimbingan MTIB;
- vii) Salinan kontrak kerja yang telah dimuktamadkan dengan Pemberi Kontrak (*Local Order* atau dokumen setaraf seperti *Letter of Credit*, surat tempahan dan lain-lain yang berkaitan) atau salinan Surat Setuju Terima bagi mana-mana tawaran kontrak berpusat Kerajaan;
- viii) Salinan sebut harga dan / atau pesanan belian (*Purchase Order*) bahan mentah bagi menyiapkan kontrak kerja yang telah dimuktamadkan seperti di para 3.2.1 (vii); dan
- ix) Mengemukakan profil syarikat pembekal bahan mentah terkini dimana bekalan akan diperolehi.

3.2.2 Bagi permohonan kali kedua dan seterusnya, Pemohon perlu mengemukakan kesemua dokumen seperti yang disenaraikan di atas **KECUALI** salinan penyata terkini akaun yang telah diaudit sekiranya permohonan dikemukakan dalam tahun yang sama.

3.3 KELULUSAN PINJAMAN

- 3.3.1 Permohonan yang diterima akan disemak, diteliti, disyor dan dipertimbangkan bagi tujuan kelulusan melalui jawatankuasa yang berkaitan.
- 3.3.2 Pemohon hendaklah sentiasa bersedia untuk hadir ke mesyuarat jawatankuasa PSBM bagi tujuan penjelasan lanjut berkaitan permohonan yang dikemukakan (sekiranya perlu).
- 3.3.3 MTIB akan mengemukakan surat pemakluman keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu PSBM kepada pemohon. Sebarang keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa ini adalah **muktamad**.
- 3.3.4 Kelulusan pinjaman ini adalah **terbatal secara automatik** selepas tamat tempoh kontrak kerja / pembekalan tersebut.

4. DOKUMEN PERJANJIAN

- 4.1 Satu perjanjian pinjaman akan ditandatangani di antara Pemohon (Peminjam) dengan MTIB (Pemberi Pinjaman) setelah MTIB menerima **Borang Akuan Setuju Terima** daripada Pemohon.
- 4.2 Peminjam juga hendaklah memajukan dokumen-dokumen sekuriti seperti yang berikut:-
- i) **Perjanjian Jaminan dan Ganti Rugi / Akuan Jaminan Lembaga Pengarah**

Penjamin hendaklah terdiri daripada kesemua Ahli-Ahli Lembaga Pengarah / Pemilik syarikat Peminjam;

dan / atau
 - ii) **Surat Ikatan Serah Hak (*Deed of Assignment - DoA*)**

Ditandatangani oleh Pemberi Pinjaman, Peminjam dan Pemberi Kontrak. Pemberi Pinjaman merupakan penerima hak mutlak manakala Peminjam sebagai Penyerah hak dalam pelaksanaan atau komitmen Peminjam membayar balik pinjaman kepada Pemberi Pinjaman.
- 4.3 Perjanjian dan dokumen sekuriti yang berkaitan perlu dikembalikan kepada MTIB dalam tempoh **dua (2) minggu** dari tarikh dokumen tersebut dimajukan kepada Peminjam **kecuali** bagi kontrak kerja yang melibatkan **syarikat di luar negara**, dokumen DoA perlu dikemukakan dalam tempoh **satu (1) bulan**.
- 4.4 Sebarang kos dan duti setem akan **ditanggung sepenuhnya** oleh Peminjam.

5. KAEDAH PENGELUARAN PINJAMAN DAN BAYARAN BALIK

5.1 PENGELUARAN PINJAMAN

- 5.1.1 Pengeluaran pinjaman yang telah diluluskan akan dilaksanakan oleh MTIB secara pembayaran terus (*direct payment*) kepada **syarikat pembekal bahan mentah**.
- 5.1.2 MTIB akan menjalankan pemeriksaan dan pengesahan ke atas mana-mana pembekalan di premis Pemohon.
- 5.1.3 Salinan asal penghantaran pesanan (*delivery order*) dan invois (*invoice*) pembekalan bahan mentah yang telah **disahkan oleh**

Peminjam perlu dimajukan kepada MTIB bagi tujuan pengeluaran pinjaman tersebut mengikut tempoh sah kontrak kerja berkuatkuasa.

- 5.1.4 MTIB hanya akan membuat pengeluaran pinjaman berdasarkan pembekalan bahan mentah yang disertakan dengan salinan asal invois (*invoice*) yang telah disahkan oleh Peminjam dan Laporan Semakan Bahan Mentah yang telah disahkan oleh pegawai MTIB.
- 5.1.5 Sekiranya jumlah yang dinyatakan di dalam invois (*invoice*) **melebihi nilai pinjaman** yang telah diluluskan, MTIB hanya akan membayar mengikut nilai pinjaman yang diluluskan sahaja dan Peminjam perlu membayar lebihan jumlah tersebut kepada pembekal.
- 5.1.6 Sekiranya jumlah yang dinyatakan di dalam invois (*invoice*) **kurang daripada nilai pinjaman** yang diluluskan, **Peminjam tidak boleh menuntut** lebihan pinjaman tersebut.

5.2 PEMBAYARAN BALIK PINJAMAN

- 5.2.1 Peminjam dikehendaki membuat pembayaran balik pinjaman dalam **tempoh kontrak kerja yang masih berkuatkuasa** atau selewat-lewatnya **tiga (3) bulan** selepas tempoh kontrak kerja tamat.
- 5.2.2 MTIB tidak akan mempertimbangkan sebarang pelanjutan masa (*extension of time*) kontrak kerja.
- 5.2.3 Bagi proses bayaran balik pinjaman, Peminjam dikehendaki menyediakan cadangan jadual bayaran balik pinjaman berdasarkan Perkara 5.2.1. Walau bagaimanapun, perkara ini adalah tertakluk kepada kelulusan MTIB.
- 5.2.4 Bagi bayaran semula pinjaman, pemohon adalah diwajibkan untuk menggunakan arahan tetap atau *Standing Instruction* daripada pihak bank bagi membolehkan pemotongan bayaran secara automatik daripada akaun bank peminjam mengikut tempoh yang ditetapkan.
- 5.2.5 Sebarang isu yang timbul di antara Peminjam dengan Pemberi Kontrak atau mana-mana pihak ketiga mengenai pembayaran kontrak kerja tersebut adalah di luar tanggungjawab MTIB.
- 5.2.6 Peminjam hendaklah bertanggungjawab membuat bayaran balik pinjaman kepada MTIB melalui sumber-sumber kewangan lain mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.
- 5.2.7 Sekiranya Peminjam gagal menjelaskan pinjaman dalam tempoh yang ditetapkan, Peminjam / Penjamin (termasuk syarikat yang berdaftar di bawah nama-nama tersebut) akan **disenaraihitamkan**

(blacklist) daripada penyertaan dalam mana-mana program MTIB sehingga keseluruhan pinjaman dilangsaikan.

- 5.2.8 MTIB juga berhak untuk membuat tuntutan hutang tertunggak tersebut mengikut **Tatacara Pemungutan Hutang MTIB** yang berkuatkuasa.

SENARAI BAHAN MENTAH BERASASKAN KAYU

Antaranya adalah:

- Papan Bungkah
- Papan Lamin
- Papan Baten
- Papan Serpai
- Papan Partikel
- Papan Gentian
- Balak Bulat (termasuk kayu bulat & kayu jaras)
- Kayu Kumai (termasuk S4S)
- Produk Panel Berlapis
- Papan Lapis
- Kayu Gergaji (termasuk S4S)
- Barangan Tanggam
- Venir
- Sisa-sisa kayu termasuk habuk gergaji
- Kayu api
- Kayu Arang
- Kayu Kisar
- Kotak kayu dan kret daripada papan lapis, dipasang/tidak dipasang atau separuh dipasang (kotak simpan barang, kotak, pak, tong dram dan pembungkus lain yang serupa, gelendong kabel, palet, palet kotak dan papan muatan yang lain, kolar palet, yang diperbuat daripada kayu)
- Kayu alas angkut
- Barangan Pasang Siap termasuk rumah
- Rotan dan buluh
- Kayu Bingkai gambar
- Kayu tumpat
- Kayu yang dipotong rata secara kasar, kayu gelang, kayu jaras belah, cerucuk tajam dan pancang
- Pulpa kayu
- Kayu Serpai
- Cebis Kayu
- Wood Plastic Composite (WPC)

** Senarai yang dinyatakan diatas adalah sebagai contoh*